

07/03/1998

Juruterbang Malaysia bakal cipta Sejarah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seorang juruterbang muda Malaysia akan mencipta sejarah menerbangkan pesawat ringan buatan tempatan secara solo dari sini ke London, sejauh 14,000 kilometer dan mengambil masa 60 hari.

Syed Abdul Hadi Syed Hussein, 26, akan menerbangkan pesawat Eagle 150 pada 1 Mei ini dan dijadualkan tiba untuk pembukaan pertunjukan udara di Cranfield, London, pada 4 Julai.

Penerbangannya itu akan merentasi tiga benua, 14 negara dan membabitkan 64 persinggahan. Jika berjaya, beliau mungkin menjadi penerbang pertama dari Asia berbuat sedemikian.

Beliau ialah seorang daripada tujuh perintis pembinaan Pesawat Eksperimen Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Langkawi Fly-In pada Julai, tahun lalu.

"Penerbangan ini sangat mencabar kerana tidak ada peralatan tambahan dalam pesawat dan pemanduan dilakukan hanya berdasarkan peta dan navigasi," katanya dalam sidang akhbar Projek Rakan Muda Merentas Benua dengan Pesawat Buatan Malaysia di Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), hari ini.

Projek itu adalah anjuran Kelab Rekreasi Udara Johor dengan kerjasama KBS serta ditaja oleh Composites Technology Research Malaysia, pembuat pesawat Eagle 150.

(END)